

KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

BILANGAN 7 TAHUN 2011

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Ketua Polis Negara – Bahagian Kewangan

Pengarah Jabatanarah Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT)

Semua Ketua Akauntan Jabatan Mengakaun Sendiri

Semua Pengarah Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Dan Cawangan

Semua Pusat Gaji

PERATURAN PEMBAYARAN IMBUHAN TAHUNAN DAN BAYARAN KHAS

PRESTASI KALI KEDUA KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM

PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2011

1. TUJUAN

1.1 Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk menetapkan peraturan pembayaran berikut:-

- i. Imbuhan Tahunan bagi kali kedua pada tahun 2011 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Sokongan; dan

- ii. Bayaran Khas Prestasi bagi kali kedua pada tahun 2011 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.
- 1.2 Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2011.

2. ASAS PERKIRAAN IMBUHAN TAHUNAN DAN BAYARAN KHAS PRESTASI

- 2.1 Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi ini dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang berkhidmat dalam tahun 2011 tertakluk kepada syarat bahawa pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari 2011 hingga 31 Disember 2011.
- 2.2 Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi ini perlu dibayar berdasarkan gaji bulan Disember 2011 atau gaji akhir yang diterima pada tahun 2011.
- 2.3 Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi adalah dibayar secara *proportionate* berdasarkan bilangan hari yang layak dalam tahun 2011 tertakluk kepada kadar minimum sebanyak RM1,000.00. Jumlah patut diterima hendaklah diselaras dengan amaun Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi yang dibayar pada bulan Ogos 2011.

3. PERATURAN PELAKSANAAN PEMBAYARAN IMBUHAN TAHUNAN DAN BAYARAN KHAS PRESTASI

3.1 Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi akan **dibayar bersekali dengan gaji bulan Disember 2011**. Dalam membuat pembayaran ini, peraturan-peraturan berikut perlu dipatuhi:-

3.1.1 Cukai Pendapatan

Cukai pendapatan tidak dipotong dari amaun Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi yang hendak dibayar, tetapi Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi tersebut akan diambil kira dalam Penyata Pendapatan Tahunan untuk tujuan penaksiran cukai pendapatan. Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan perlu menjelaskan sendiri cukai pendapatan berkenaan berdasarkan kepada Jadual (Kaedah 3) Potongan Cukai Bulanan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

3.1.2 Potongan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Di bawah tafsiran ‘Upah’ dalam Seksyen 2, Akta KWSP 1991, Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi ini adalah dikenakan caruman KWSP. Potongan caruman pekerja dan bayaran caruman majikan perlu dibuat sewajarnya.

3.1.3 Bayaran Bagi Pegawai di Bawah Sistem Gaji Berkomputer

Bagi pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dimana gajinya dibayar melalui Sistem Gaji Berkomputer perkara berikut hendaklah diambil maklum:-

- i. Penyata Perubahan (Kew.8) tidak perlu disertakan. Pejabat Perakaunan (Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri/Cawangan dan Jabatan Mengakaun Sendiri) akan mengeluarkan **Laporan Perkiraan Bonus** sebagai ganti Borang Perubahan Gaji (SG20);
- ii. Kementerian/Jabatan hendaklah **menyemak** amaun Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi yang dibayar seperti di dalam **Laporan Perkiraan Bonus** terutama sekali mereka yang tidak layak menerimanya dan mereka yang hanya layak menerimanya secara *proportionate* seperti yang tersebut di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2011. Adalah menjadi tanggungjawab Kementerian/Jabatan mengutip semula atau memotong daripada gaji bulan berikut amaun yang tidak layak diterima oleh seseorang pegawai; dan
- iii. Bagi pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang tidak tersenarai dalam **Laporan Perkiraan Bonus** seperti di para 3.1.3 (ii) tetapi gajinya adalah diproses dalam Sistem Gaji Berkomputer, bayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi hendaklah dibayar melalui baucar berasingan dalam bulan Disember 2011.

3.1.4 Pembayaran Melalui Baucar Berasingan

Bagi Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi yang dibayar melalui baucar berasingan hendaklah disertakan Penyata Perubahan (Kew.8) dan dokumen sokongan yang lain.

3.1.5 Pelarasan Untuk Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi

Pelarasan yang sewajarnya hendaklah dibuat oleh Kementerian/Jabatan dalam tahun 2011.

3.1.6 Kod Urusniaga


Kod-kod urusniaga yang perlu digunakan bagi bayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi bulan Disember 2011 adalah seperti berikut:-

<u>KOD SODO</u>	<u>KOD ELAUN</u>	<u>PERIHAL KOD SODO</u>
15103	1056	Imbuhan Tahunan Kakitangan Awam.
15204	1056	Imbuhan Tahunan Pasukan Keselamatan.
29304	1056	Imbuhan Tahunan Pekerja Sementara dan Sambilan Yang Tidak Menyandang Jawatan Tetap.
15105	1501	Bayaran Khas Prestasi Jawatan Utama.
15205	1501	Bayaran Khas Prestasi Pasukan Keselamatan.
15305	1344	Bayaran Khas Prestasi Anggota Pentadbiran dan Parlimen.
15103	1533	Pelarasan Imbuhan Tahunan Kakitangan Awam.
15105	1532	Pelarasan Bayaran Khas Prestasi Jawatan Utama.
15204	1533	Pelarasan Imbuhan Tahunan Pasukan Keselamatan.
15205	1532	Pelarasan Bayaran Khas Prestasi Pasukan Keselamatan.

4. PERUNTUKAN UNTUK MEMBAYAR IMBUHAN TAHUNAN DAN BAYARAN KHAS PRESTASI

Kementerian/Jabatan hendaklah membayar Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi ini daripada peruntukan tahun semasa yang sedia ada. Sebarang kekurangan peruntukan hendaklah diselaraskan kemudian dan permohonan peruntukan tambahan hendaklah dibuat kepada Perbendaharaan Malaysia.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATUK WAN SELAMAH BINTI WAN SULAIMAN)
Akauntan Negara Malaysia

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

17 November 2011

Ketua Audit Negara
Semua Akauntan/Bendahari Negeri
Ketua Eksekutif LHDN
Pengurus Besar KWSP